Charles Edward Marlissa lwn Timber Master (M) Sdn Bhd & Satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO R3–25–99 TAHUN 1996
NIK HASHIM PK
29 APRIL 1997

Acara Sivil *— Luar aturan — Certiorari, permohonan untuk perintah — Ketidakpatuhan kehendak-kehendak di bawah A 53 — Kegagalan menyertakan jurat kepada afidavit pemohon yang buta huruf Bahasa Melayu — Sama ada permohonan menjadi padah atau terbatal — Sama ada mahkamah adalah dihalang daripada mengkaji semula afidavit yang telah difailkan semasa permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk memohon perintah certiorari — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 2*

Pemohon telah memperolehi kebenaran untuk mendapatkan perintah certiorari dan mandamus ('perintah-perintah tersebut') berkaitan dengan suatu keputusan Mahkamah Perusahaan. Pemohon kemudiannya telah memasukkan notis usul di bawah A 53 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk mendapatkan perintah-perintah tersebut dengan menggunakan pernyataan dan afidavit pemohon yang difailkan pada masa permohonan untuk mendapatkan kebenaran yang terdahulu.

Permohonan telah dikatakan tidak teratur dan sempurna di bawah A 53 kerana: (i) tidak ada bukti atau sebarang afidavit penyampaian yang menunjukkan bahawa notis usul telah disampaikan kepada penentang-penentang; (ii) tidak ada bukti bahawa salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong permohonan meminta kebenaran telah disampaikan dengan notis usul kepada penentang-penentang; dan (iii) tidak ada afidavit difailkan yang mengesahkan bahawa satu salinan usul tersebut telah disampaikan kepada Peguam Negara. Juga, afidavit yang diikrarkan oleh pemohon — yang tidak faham Bahasa Melayu — untuk menyokong permohonan tersebut didapati tidak disertakan dengan jurat. Isu di hadapan mahkamah adalah sama ada kegagalan pemohon mematuhi kehendak-kehendak di atas telah mengakibatkan permohonannya menjadi padah dan terbatal.

Diputuskan, membatalkan notis usul dengan kos:

(1) Daripada istilah 'mestilah' yang digunakan, peruntukan-peruntukan dalam kaedah-kaedah di bawah A 53 adalah mandatori. Oleh sebab itu, adalah menjadi kewajipan mahkamah bagi menentukan peruntukan-peruntukan tersebut dipatuhi dengan ketatnya sebelum permohonan untuk perintah-perintah tersebut dapat dilayan dan diberi. Ketakpatuhan kaedah-kaedah tersebut tidaklah boleh dikira sebagai luar aturan dan dengan itu, boleh dipulihkan di bawah A 2 k 1(1).

Di dalam kes ini, pemohon telah tidak dapat menunjukkan sama ada kehendak-kehendak di bawah A 53 telah dipatuhi. Afidavit penyampaian bagi menentukan kehendak-kehendak sedemikian telah dilaksanakan tidak difailkan dan berada di hadapan mahkamah sebelum pendengaran notis usul ini. Maka, kegagalan pihak pemohon mematuhi kehendak kaedah-kaedah tersebut telah mengakibatkan permohonan ini menjadi padah dan terbatal (lihat ms 203B–C, H).

(2) Oleh kerana pemohon adalah buta huruf dalam Bahasa Melayu, boleh dikatakan bahawa beliau tidak faham akan kandungan afidavit yang dia ikrarkan itu. Oleh sebab itu, afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu tanpa jurat adalah tidak sah; maka ia tidak boleh diterima dan digunakan untuk menyokong notis usul ini. Aturan 41 k 4 KMT tidak boleh menyelamatkan afidavit tersebut kerana ia bukan cacat dari segi bentuk tetapi cacat dari segi kesahihannya dari awal lagi dan ia tidak boleh dipulihkan. Walaupun kebenaran untuk memohon perintah-perintah tersebut telah diberikan berdasarkan afidavit yang sama, ini tidak bererti mahkamah ini dihalang daripada mengkaji semula afidavit itu sama ada ia teratur bagi menimbang atau tidak notis usul ini. Permohonan untuk kebenaran adalah suatu tindakan yang berasingan dengan notis usul di hadapan mahkamah ini. Jadi, notis usul ini hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan yang tersendiri yang tidak terikat dengan keputusan kebenaran sebelum itu (lihat ms 203I dan 204A–D).

[English summary

The applicant had been given leave to obtain the orders of certiorari and mandamus ('the orders') with regard to an award of the Industrial Court. Subsequently, the applicant lodged a notice of motion under O 53 r 2 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') to obtain the orders by using the applicant's statement and affidavit filed earlier at the time the application to obtain leave was made.

The application was alleged to be irregular and incomplete under O 53 because: (i) there was no evidence or any affidavit of service which established that the notice of motion had been served on the respondents; (ii) there was no evidence that copies of the statement and affidavits in support of the application for leave had been served on the respondents; and (iii) no affidavit was filed to confirm that a copy of the motion had been served on the Attorney General. Also, it was found that the affidavit in support of the application sworn by the applicant — who did not understand Bahasa Melayu — did not enclose a jurat. The issue before the court was whether the failure of the applicant to comply with the above requirements was fatal and consequently would nullify the application.

Held, striking out the notice of motion with costs:

(1) From the term 'must' which is used, the provisions in the rules under O 53 are mandatory. Therefore, it is the duty of the court to ensure that the provisions are complied with strictly before the application for the orders can be entertained and given. Non-compliance with the rules cannot be considered as irregularity and therefore, can be remedied under O 2 r 1(1).

In this case, the applicant could not establish whether the requirements under O 53 had been complied with. The affidavit of service proving that such requirements had been executed was not filed and was not before the court before the hearing of the notice of motion. Thus, the applicant's failure to comply with the requirements of the rules was fatal to the application and consequently, the application was nullified (see p 203B–C, H).

(2) Since the applicant was illiterate in Bahasa Melayu, it could be said that he did not understand the contents of the affidavit sworn by him. As a result, the applicant's affidavit in Bahasa Melayu without a jurat was void; therefore it was inadmissible and could not be used to support the notice of motion. Order 41 r 4 of the RHC could not save the affidavit because it was not defective in form but was defective in its validity from the start and it was not remediable. Even though leave to apply for the orders had been granted based on the same affidavit, this did not mean that the court was precluded from reviewing whether the affidavit was regular in order to consider the notice of motion. The application for leave was a separate action from the notice of motion before this court. So the notice of motion had to be regarded as an application on its own which was not bound by the granting of leave earlier (see pp 203I and 204A–D).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai luar aturan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan-perenggan 1795–1822.

Kes-kes yang dirujuk

Kasnen & Krishnan a/l Kandasamy v Menteri Sumber Manusia Malaysia & Anor Usul Pemula No R3–25–151–96 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur) (tidak dilaporkan) (dirujuk)

Md Aris bin Zainal Abidin lwn Suruhanjaya Pasukan Polis & Satu lagi [1996] 4 MLJ 77 (dirujuk)

Perbadanan National Insurans Sdn Bhd v Pua Lai Ong [1996] 3 MLJ 85 (dirujuk)

S Ravi a/l G Suppiah v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [1995] 2 CLJ 152 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 k 3, A 53 kk 1(1), 2, 2(1), (2), (3), (4), 3(1), 5(1)

A Murugavell (*Murugavell Arumugam & Co*) bagi pihak pemohon. A
A Ramadass (*Ramadass & Associates*) bagi pihak penentang.

Nik Hashim PK: Ini merupakan satu permohonan notis usul di bawah A 53 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk mendapatkan perintah certiorari dan mandamus berkaitan dengan keputusan Mahkamah Perusahaan dalam Award No 372/96 bertarikh 21 Ogos 1996. B

Kebenaran untuk mendapatkan perintah certiorari dan mandamus telah diberi oleh Abdul Kadir Musa H pada 1 November 1996. Pada 7 November 1996, pihak pemohon telah memasukkan notis usul untuk mendapatkan perintah certiorari dan mandamus dengan menggunakan C pernyataan dan afidavit pemohon yang difailkan pada masa permohonan ex parte pada 18 September 1996. Kedua belah pihak telah mengesahkan bahawa permohonan adalah teratur dan bersedia untuk meneruskan dengan pendengaran.

Sebelum permohonan untuk mendapatkan perintah certiorari, D larangan atau mandamus dapat dibenarkan oleh mahkamah di bawah A 53 KMT, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:

(1) Kebenaran untuk mendapatkan perintah tersebut telah diberikan terlebih dahulu melalui perintah mahkamah: k 1(1) dan k 2(1).

(2) Permohonan untuk mendapatkan perintah sedemikian mestilah dibuat E melalui usul pemula kepada mahkamah: k 2(1).

(3) Usul itu mestilah dicatatkan untuk pendengaran dalam masa 14 hari selepas kebenaran (1) di atas diberikan: k 2(2).

(4) Notis itu mestilah disampaikan kepada semua orang yang terlibat secara langsung: k 2(3). F

(5) Suatu afidavit yang memberikan nama, alamat, tempat dan tarikh penyampaian ke atas orang yang telah disampaikan notis itu mestilah difailkan sebelum pendengaran dan ada di hadapan mahkamah semasa pendengaran usul itu: k 2(4).

(6) Salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong G permohonan meminta kebenaran di bawah k 1 mestilah disampaikan dengan notis usul kepada semua orang yang terlibat: k 3(1).

(7) Bagi permohonan meminta perintah certiorari, pemohon melalui suatu afidavit mengesahkan sebelum pendengaran usul itu bahawa satu salinan usul telah pun disampaikan kepada Peguam Negara atau H pemohon menjelaskan kegagalan berbuat demikian hingga memuaskan hati mahkamah: k 5(1).

Syarat (7) di bawah k 5(1) ialah merupakan keperluan tambahan bagi permohonan untuk mendapatkan perintah certiorari. Pematuhan peruntukan di bawah k 1(3) semasa permohonan meminta kebenaran I yang berkehendakkan pemohon mesti memberi notis permohonan meminta kebenaran tidak lewat dari hari sebelumnya ke Jabatan Peguam Negara dan mesti pada masa yang sama menyerahsimpan salinan-salinan pernyataan

dan afidavit-afidavit itu di jabatan tersebut, tidak boleh dikira sebagai pematuhan kehendak peruntukan di bawah k 5(1).

Daripada istilah 'mestilah' yang digunakan, peruntukan-peruntukan dalam kaedah-kaedah tersebut di atas adalah mandatori: sila lihat *Md Aris bin Zainal Abidin lwn Suruhanjaya Pasukan Polis & Satu lagi* [1996] 4 MLJ 77; *Kasnen & Krishnan a/l Kandasamy v Menteri Sumber Manusia Malaysia & Anor* Usul Pemula No R3–25–151–96 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur) (tidak dilaporkan); dan *Perbadanan National Insurans Sdn Bhd v Pua Lai Ong* [1996] 3 MLJ 85 di ms 93). Oleh sebab itu, adalah menjadi kewajipan mahkamah bagi menentukan peruntukan-peruntukan tersebut dipatuhi dengan ketatnya sebelum permohonan untuk perintah certiorari atau mandamus dapat dilayan dan diberi. Ketakpatuhan kaedah-kaedah tersebut di atas tidaklah boleh dikira sebagai luar aturan dan dengan itu, boleh dipulihkan di bawah A 2 k 1(1). Oleh itu, kegagalan mematuhi kehendak kaedah-kaedah tersebut mengakibatkan permohonan untuk mendapatkan perintah-perintah sedemikian menjadi padah dan terbatal.

Bagi kes di hadapan saya, saya dapati permohonan tidak teratur dan sempurna atas sebab-sebab berikut:

(i) Pemohon tidak mematuhi syarat-syarat (4), (5), (6) dan (7) di atas dengan sepenuhnya iaitu:

(a) tidak ada bukti bahawa notis usul telah disampaikan kepada penentang-penentang: k 2(3).

(b) Tidak ada afidavit penyampaian kepada (a) di atas di hadapan mahkamah pada masa pendengaran usul: k 2(4).

(c) Tidak ada bukti bahawa salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong permohonan meminta kebenaran di bawah k 1 telah disampaikan dengan notis usul kepada penentang-penentang: k 3(1).

(d) Tidak ada afidavit difailkan dalam mahkamah sebelum pendengaran usul yang mengesahkan bahawa satu salinan usul ini telah disampaikan kepada Peguam Negara: k 5(1).

Apa yang pemohon telah gagal buat dalam permohonan ini ialah beliau tidak dapat menunjukkan sama ada kehendak-kehendak tersebut di atas telah dipatuhi. Afidavit penyampaian bagi menentukan kehendak-kehendak sedemikian telah dilaksanakan tidak difailkan dan berada di hadapan mahkamah sebelum pendengaran notis usul ini. Jadi, kegagalan pihak pemohon mematuhi kehendak kaedah-kaedah di atas mengakibatkan permohonan ini menjadi padah dan terbatal.

(ii) Pihak pemohon menggunakan afidavit Charles Edward Marlissa yang diikrarkan pada 18 September 1996 bagi menyokong permohonan ini. Charles Edward Marlissa ialah seorang warganegara Netherlands yang beralamat di Surabaya, Indonesia. Tidak ada bukti yang nyata bahawa pemohon faham Bahasa Melayu. Beban untuk membuktikan dia faham Bahasa Melayu terletak di atas pemohon, dan dalam kes ini, beliau gagal membuktikannya. Tidak ada jurat yang mengatakan

bahawa pemohon faham akan apa yang dia ikrarkan. Jadi, pemohon ialah seorang buta huruf dalam Bahasa Melayu dan tidak faham akan kandungan afidavit yang dia ikrarkan itu (A 41 k 3 KMT; *S Ravi a/l G Suppiah v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1995] 2 CLJ 152). Oleh sebab itu, afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu tanpa jurat adalah tidak sah, maka ia tidak boleh diterima dan digunakan untuk menyokong notis usul ini. Aturan 41 k 4 KMT tidak boleh menyelamatkan afidavit tersebut kerana ia bukan cacat dari segi bentuk tetapi cacat dari segi kesahihannya dari awal lagi dan ia tidak boleh dipulihkan. Walaupun Abdul Kadir Musa H telah memberikan kebenaran kepada pemohon untuk memohon perintah certiorari berdasarkan kepada afidavit pemohon yang sama, tidak bererti mahkamah ini dihalang daripada mengkaji semula afidavit itu sama ada ia teratur bagi menimbang atau tidak notis usul ini. Permohonan untuk kebenaran adalah suatu tindakan yang berasingan dengan notis usul di hadapan saya. Jadi, notis usul ini hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan yang tersendiri yang tidak terikat dengan keputusan kebenaran sebelum itu.

Oleh yang demikian, atas alasan-alasan (i) dan (ii) tersebut di atas, saya dengan ini membatalkan notis usul itu dengan kos.

Notis usul dibatalkan.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee